The current issue and full text archive of this journal is available at
https://muwafaqat.uis.edu.my/index.php/journal
DOI: https://doi.org/10.53840/muwafaqat.v9i2.270

# Representasi Halal dalam Persekitaran Digital di Malaysia: Cabaran Perundangan, Pembuktian Elektronik dan Penguatkuasaan



## *Halal Representation in Malaysia's Digital Environment: Legal Challenges, Electronic Evidence and Enforcement*

Submitted date: 29 September 2026
Revised date: 27 October 2026
Acceptance date: 31 October 2026
Available online: 31 October 2026

FARAH MOHD SHAHWAHID
(Corresponding Author)
SURIANOM MISKAM
NAWAL SHOLEHUDDIN
Fakulti Syariah dan Undang-Undang
Universiti Islam Selangor (UIS)
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.
farahms@uis.edu.my, surianom@kuis.edu.my
nawal@uis.edu.my

HAMMAD MOHAMAD DAHALAN
Fakulti Undang-Undang
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.
hammad@uitm.edu.my

MOHAMAD AZHAN YAHYA
Fakulti Undang-Undang (UKM)
Universiti Kebangsaan Malaysia
43650 Bangi, Selangor, Malaysia.
azhan@ukm.edu.my

NUR KHAIRUNNISA NAJWA HAMDAN
khairunnisanajwa25@gmail.com

**ABSTRAK**

Perkembangan perdagangan digital telah memperluas cara maklumat halal disampaikan melalui media sosial, e-dagang dan siaran langsung. Perubahan ini menimbulkan persoalan tentang penilaian representasi halal serta pengumpulan dan pengemukaan bukti elektronik. Kajian ini menganalisis cabaran perundangan dan pembuktian elektronik dalam penguatkuasaan representasi halal di Malaysia melalui pendekatan kualitatif. Data diperoleh daripada dua temu bual separa

berstruktur dengan seorang informan penguatkuasaan halal dan seorang informan pendakwaan Syariah, serta satu perbincangan meja bulat (RTD). Identiti peserta dirahsiakan menggunakan kod. Analisis tematik mengenal pasti cabaran pengumpulan dan pengesahan bukti digital, pengenalpastian pihak yang bertanggungjawab, penilaian representasi halal, keperluan keterangan teknikal dan penyelarasan prosedur. Dapatan menunjukkan bahawa tangkapan skrin atau rakaman digital perlu dinilai bersama maklumat yang mengesahkan sumber, konteks dan kaitannya dengan pihak yang disiasat. Ungkapan seperti 'Muslim Friendly', 'No Pork' dan 'No Lard' tidak boleh dinilai secara terasing tanpa meneliti konteks serta gambaran keseluruhan kepada pengguna. Kajian mencadangkan prosedur pengendalian bukti elektronik, latihan rentas bidang dan penyelarasan antara agensi. Oleh sebab bilangan temu bual terhad, dapatan ini memberikan pemahaman kualitatif dan bukan gambaran statistik atau representasi semua agensi di Malaysia. Perhatian turut diberikan kepada batasan kajian dan implikasi praktikalnya.

**Kata kunci:** Representasi Halal, Penguatkuasaan Halal, Bukti Elektronik, Undang-Undang Keterangan Syariah, Perdagangan Digital.

## ABSTRACT

Digital commerce has expanded the ways halal status is represented through social media, e-commerce and livestream sales, creating challenges for enforcement and the handling of electronic evidence. This study examines legal and evidential challenges in enforcing halal representations in Malaysia using a qualitative approach. Data were collected through two semi-structured interviews, one with a halal enforcement informant and one with a Syariah prosecution informant, and a round-table discussion (RTD). Participants were anonymised using codes. Thematic analysis identified challenges in collecting and verifying digital content, linking online representations to responsible persons, interpreting halal-related claims, presenting technical evidence and coordinating procedures. The findings indicate that screenshots and digital recordings should be assessed alongside supporting information that helps establish their source, context and connection to the person under investigation. Terms such as 'Muslim Friendly', 'No Pork' and 'No Lard' should not automatically be treated as offences; their meaning and legal implications depend on context and the applicable statutory elements. The study recommends clearer procedures for handling electronic evidence, cross-disciplinary training and better coordination between enforcement and prosecution. Given the limited number of interviews, the findings offer qualitative insight into the challenges raised by participants and cannot be generalised statistically to all enforcement agencies in Malaysia.

**Keywords:** Halal Representations, Halal Enforcement, Electronic Evidence, Syariah Evidence Law, Digital Commerce.

## PENGENALAN

Perkembangan teknologi maklumat telah mengubah perdagangan dan pemasaran industri halal. Barangan dan perkhidmatan yang dahulu banyak dipasarkan melalui premis fizikal kini turut dipromosikan melalui e-dagang, media sosial dan siaran langsung (Azwar & Usman, 2025; Marinsah et al., 2025; Pawancheek, 2019; Nashirudin & Ulfah, 2024). Prinsip *halalan tayyiban* merangkumi bukan sahaja ramuan, tetapi juga proses, kebersihan, keselamatan dan rantaian bekalan sehingga produk sampai kepada pengguna (Takhor et al., 2025; Wong & Abdul Halim, 2021; Mohd Raes & Shamsuddin, 2025; Zulkepli, 2025). Perdagangan digital memudahkan capaian pengguna, namun turut menimbulkan cabaran untuk memastikan representasi dan status halal disampaikan secara tepat (Nawaz et al., 2025; Sunmola et al., 2025).

Perubahan kepada perdagangan digital turut memberi kesan kepada kaedah penguatkuasaan halal. Di Malaysia, penguatkuasaan masih banyak bergantung kepada pemeriksaan premis, pengauditan berkala dan siasatan di lapangan (Muhammad et al., 2020; Marinsah et al., 2025). Kaedah ini menjadi lebih mencabar apabila aktiviti perdagangan berlaku dalam persekitaran digital yang bergerak dengan pantas dan beroperasi sepanjang masa. Kandungan dalam talian juga boleh diubah atau dipadam pada bila-bila masa, menyebabkan bukti kesalahan sukar diperoleh sekiranya tindakan tidak dapat dilakukan dengan segera (Alias et al., 2024). Dalam masa yang sama, bentuk kesalahan berkaitan halal turut berkembang, termasuk pemalsuan logo dan sijil halal, manipulasi maklumat ramuan, promosi produk tanpa pensijilan yang sah serta penggunaan akaun palsu atau anonim (Abdul Halim et al., 2023; Ramli & Abd Razak, 2021; Sunmola et al., 2025). Perkembangan ini bukan sahaja boleh menjejaskan keyakinan pengguna Muslim, malah boleh memberi kesan kepada imej Malaysia sebagai hab halal global (Ab. Halim & Mohd Salleh, 2018; Abidin & Perdana, 2020).

Keadaan tersebut menjadikan pembuktian elektronik antara perkara penting dalam penguatkuasaan halal digital. Walau bagaimanapun, kedudukan undang-undang perlu dihuraikan mengikut bidang kuasa dan instrumen yang terpakai. Sebagai contoh, seksyen 49 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 mentakrifkan keterangan primer dan Huraian 3 menyatakan bahawa dokumen yang dikeluarkan oleh komputer ialah keterangan primer. Peruntukan ini tidak bermaksud setiap tangkapan skrin atau fail digital secara automatik membuktikan semua fakta yang dipertikaikan. Sumber, ketulenan, konteks, kaitan dengan pihak yang disiasat, relevansi dan berat pembuktian masih perlu dinilai berdasarkan fakta kes serta undang-undang keterangan yang berkenaan. Peruntukan Selangor juga tidak boleh digeneralisasikan kepada semua negeri tanpa semakan perundangan masing-masing (Ahmad et al., 2020; Alias et al., 2024; Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003, s. 49).

Pemasaran digital menggunakan pelbagai representasi halal, termasuk perkataan 'Halal', logo rasmi, paparan Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) serta ungkapan seperti 'Muslim Friendly', 'Pork Free', 'No Pork' dan 'No Lard' (Ab. Halim & Mohd Salleh, 2018; Pawancheek, 2019; Wahab & Azhar, 2014). Ungkapan tertentu mungkin

menerangkan ciri khusus, tetapi tidak semestinya menunjukkan bahawa semua keperluan halal telah dipenuhi. Penilaian perlu mengambil kira ramuan, proses penyediaan, kebersihan, keselamatan dan risiko pencemaran silang, serta kemungkinan keseluruhan mesej mengelirukan pengguna (Izham et al., 2022; Wahab & Azhar, 2014).

Isu representasi halal ini turut berkait dengan pembahagian bidang kuasa dalam penguatkuasaan. Peruntukan kesalahan jenayah Syariah negeri terikat kepada bidang kuasa negeri dan pada asasnya terpakai kepada individu Muslim, manakala kesalahan berkaitan perihal dagangan halal di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 dikendalikan oleh KPDN melalui Mahkamah Sivil. Pada masa yang sama, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) memainkan peranan dalam aspek pensijilan dan pengurusan halal, tetapi tidak mempunyai kuasa untuk mendakwa secara langsung di Mahkamah Sivil (Che Mohd Zain et al., 2014; Dimon, 2020). Perbezaan fungsi dan bidang kuasa ini menjadi lebih mencabar apabila kesalahan berlaku melalui platform digital yang tidak terikat kepada satu lokasi fizikal. Sesuatu siasatan juga mungkin memerlukan maklumat daripada beberapa agensi seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Suruhanjaya Syarikat Malayusia (SSM) dan pihak yang mempunyai kepakaran dalam forensik digital. Oleh itu, perkongsian maklumat dan penyelarasan antara agensi penting bagi memastikan tindakan penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan lebih cepat dan berkesan.

Teknologi seperti kecerdasan buatan (AI) dan blockchain berpotensi menyokong pemantauan halal digital. Pemprosesan bahasa semula jadi dan penglihatan komputer boleh membantu mengenal pasti kandungan berisiko, manakala blockchain boleh menyokong kebolehkesanan rekod rantaian bekalan (Nashirudin & Ulfah, 2024; Nawaz et al., 2025; Sunmola et al., 2025). Namun, AI boleh menghasilkan keputusan salah atau sukar dijelaskan (Mahmud et al., 2025; Zulkepli, 2025). Oleh itu, teknologi ini wajar menjadi alat sokongan dengan pengesahan manusia, bukan pengganti keputusan undang-undang atau pensijilan.

Sorotan literatur menunjukkan bahawa pensijilan halal, undang-undang sivil dan Syariah serta teknologi lazimnya dibincangkan secara berasingan. Kajian yang menghubungkan representasi halal digital, pembuktian elektronik, potensi penggunaan AI dan penyelarasan antara agensi masih terhad. Kajian ini mengenal pasti cabaran dan cadangan pengukuhan penguatkuasaan halal digital di Malaysia dengan tumpuan pada representasi halal, pembuktian elektronik dan koordinasi institusi.

## SOROTAN LITERATUR

### Konsep Halal Dan Tadbir Urus Penguatkuasaan Halal

Secara etimologi, perkataan 'halal' berasal daripada kata dasar bahasa Arab *halla, yahillu, hillan* yang membawa maksud melepaskan, membebaskan, membolehkan dan mengizinkan (Takhor et al., 2025; Dimon, 2020). Dari sudut syarak, halal merujuk kepada sesuatu perkara atau perbuatan yang dibenarkan oleh hukum Islam dan tidak

terikat dengan larangan syarak (Buang & Mahmod, 2012; Dimon, 2020). Dalam konteks makanan dan perkhidmatan, konsep halal turut berkait dengan prinsip *halalan tayyiban*. Prinsip ini bukan sahaja menekankan bahawa sesuatu makanan perlu bebas daripada unsur haram dan najis, tetapi juga perlu memenuhi aspek kebersihan, keselamatan, kualiti, khasiat serta tidak mendatangkan kemudaratan kepada manusia (Marinsah et al., 2025; Wahab & Azhar, 2014). Oleh itu, pematuhan halal perlu dilihat secara menyeluruh sepanjang rantaian bekalan, bermula daripada sumber bahan mentah, proses pengeluaran, pengangkutan dan penyimpanan sehingga produk sampai kepada pengguna (Pawancheek, 2019; Marinsah et al., 2025).

Di Malaysia, pengurusan dan penguatkuasaan halal melibatkan pelbagai agensi di peringkat Persekutuan dan Negeri (Che Mohd Zain et al., 2014; Marinsah et al., 2025). Berdasarkan Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011, JAKIM, JAIN dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) merupakan pihak berkuasa yang mempunyai peranan dalam pengeluaran Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) serta kawal selia penggunaan logo halal (Ab. Halim & Mohd Salleh, 2018; Che Mohd Zain et al., 2014; Dimon, 2020). Pada masa yang sama, penguatkuasaan halal turut melibatkan agensi lain mengikut bidang kuasa masing-masing. Antaranya ialah KPDN bagi penguatkuasaan Akta Perihal Dagangan 2011 (APD 2011), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi aspek keselamatan makanan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) dan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) bagi kawalan berkaitan ternakan serta import, dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi aspek pelesenan premis perniagaan (Che Mohd Zain et al., 2014; Marinsah et al., 2025; Abdul Halim et al., 2023). Keadaan ini menunjukkan bahawa penguatkuasaan halal di Malaysia melibatkan kerjasama antara pelbagai agensi dan memerlukan penyelarasan yang baik bagi memastikan tindakan penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan berkesan.

**Kerangka Perundangan Dan Penguatkuasaan Halal Di Malaysia**

Kerangka perundangan halal di Malaysia melibatkan gabungan undang-undang Persekutuan dan Negeri. Antara perundangan utama ialah Akta Perihal Dagangan 2011 [Akta 730], yang disokong oleh Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 dan Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 (Ab. Halim & Mohd Salleh, 2018; Pawancheek, 2019; Wahab & Azhar, 2014). Perintah Takrif Halal 2011 menetapkan perkara yang berkaitan dengan maksud halal bagi makanan, barangan dan perkhidmatan. Sementara itu, Perintah Perakuan dan Penandaan Halal 2011 mengawal urusan pensijilan halal serta penggunaan logo halal yang diiktiraf (Ab. Halim & Mohd Salleh, 2018; Buang & Mahmod, 2012; Wahab & Azhar, 2014). Selain APD 2011, pengurusan halal turut berkait dengan beberapa undang-undang lain seperti Akta Makanan 1983, Akta Binatang 1953, Akta Kastam 1967, Akta Perlindungan Pengguna 1999 dan Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 (Pawancheek, 2019; Dimon, 2020).

Bagi kesalahan yang dibicarakan di Mahkamah Syariah, penyalahgunaan tanda atau label halal boleh tertakluk kepada peruntukan dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-Negeri, seperti Seksyen 38 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah

Selangor 1995 dan Seksyen 42 Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan 1997 (Mohd Rapini, 2019; Dimon, 2020). Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan dari segi bidang kuasa antara undang-undang Syariah dan undang-undang Persekutuan. Peruntukan jenayah Syariah negeri pada asasnya terpakai kepada orang Islam dan pendakwaan dilakukan di Mahkamah Syariah (Dimon, 2020). Sebaliknya, kesalahan yang melibatkan syarikat atau peniaga bukan Islam boleh tertakluk kepada APD 2011 dan dibicarakan di Mahkamah Sivil (Ab. Halim & Mohd Salleh, 2018; Che Mohd Zain et al., 2014). Walaupun pegawai JAKIM dan JAIN boleh dilantik sebagai Penolong Pengawal Perihal Dagangan di bawah APD 2011, kuasa pendakwaan di Mahkamah Sivil masih bergantung kepada pihak KPDN (Ab. Halim & Mohd Salleh, 2018; Buang & Mahmod, 2012; Che Mohd Zain et al., 2014). Perbezaan bidang kuasa ini menunjukkan bahawa penguatkuasaan halal memerlukan penyelarasan yang jelas antara pihak berkuasa agama dengan agensi Persekutuan.

## Penguatkuasaan Halal Dalam Persekitaran Digital

Perdagangan halal kini berlaku melalui platform e-dagang seperti Shopee dan Lazada, media sosial serta siaran langsung, bukan hanya di premis fizikal (Azwar & Usman, 2025; Marinsah et al., 2025; Nashirudin & Ulfah, 2024). Perubahan ini memperluas capaian pasaran tetapi turut mengubah bentuk bahan yang perlu dikumpulkan semasa siasatan.

Kandungan digital boleh diubah atau dipadam sebelum siasatan dijalankan, manakala platform dan penjual mungkin beroperasi merentas lokasi (Alias et al., 2024). Oleh itu, penguatkuasaan memerlukan kaedah untuk merekod kandungan dalam konteksnya, mengenal pasti pihak yang bertanggungjawab dan mendapatkan maklumat sokongan yang relevan.

## Cabaran Penguatkuasaan Halal Dalam Persekitaran Digital

### *Representasi Halal Dalam Platform Digital*

Dalam persekitaran digital, representasi halal tidak lagi terhad kepada penggunaan logo halal rasmi JAKIM atau JAIN (Pawancheek, 2019; Izham et al., 2022). Penggunaan perkataan 'Halal', paparan SPHM dan logo halal rasmi pada produk, kedai dalam talian atau iklan merupakan antara bentuk representasi halal secara langsung (Ab. Halim & Mohd Salleh, 2018; Wahab & Azhar, 2014). Pada masa yang sama, terdapat juga representasi secara tidak langsung melalui penggunaan istilah seperti 'Muslim Friendly', 'Pork Free', 'No Pork' dan 'No Lard'. Selain perkataan, penggunaan simbol dan imej yang mempunyai kaitan dengan Islam seperti kalimah 'Bismillah', ayat al-Quran, gambar Kaabah serta pakaian seperti kopiah dan tudung turut boleh mempengaruhi persepsi pengguna terhadap status halal sesuatu produk atau premis (Buang & Mahmod, 2012; Izham et al., 2022; Wahab & Azhar, 2014). Skop sekatan yang terhad berhubung penggunaan ungkapan tertentu yang bercirikan Islam dalam pelabelan, pengiklanan dan promosi produk menimbulkan persoalan berkaitan persekitaran digital, iaitu sama ada kerangka kawal selia sedia ada mencukupi untuk menangani kepelbagaian bentuk representasi yang digunakan bagi menggambarkan

status halal atau keaslian berteraskan agama dalam platform perdagangan dalam talian. (Osman et al., 2020)

Kepelbagaian representasi halal dalam pelabelan dan pemasaran produk, termasuk penggunaan simbol Islam, istilah keagamaan dan atribut Islam lain, boleh mempengaruhi persepsi pengguna serta menimbulkan kekeliruan antara maksud sebenar sesuatu istilah dengan kefahaman pengguna, khususnya apabila representasi tersebut disebarkan melalui penyenaraian produk dalam talian, media sosial dan promosi siaran langsung sehingga berpotensi memberikan gambaran yang tidak tepat tentang status halal sesuatu produk (Izham et al., 2022; Wahab & Azhar, 2014; Osman et al., 2020). Sebagai contoh, peniaga mungkin menggunakan istilah 'No Pork' untuk menunjukkan bahawa makanan tersebut tidak mengandungi daging khinzir, manakala istilah 'Muslim Friendly' pula mungkin digunakan untuk menggambarkan suasana atau perkhidmatan yang sesuai untuk pengguna Muslim. Namun begitu, pengguna Muslim mungkin memahami istilah tersebut sebagai petunjuk bahawa makanan atau premis berkenaan adalah halal (Pawancheek, 2019; Izham et al., 2022). Keadaan ini menjadi lebih mencabar apabila maklumat tersebut disebarkan melalui media sosial, platform pasaran dalam talian dan siaran langsung kerana kandungan boleh tersebar dengan cepat serta diubah atau dipadam pada bila-bila masa. Oleh itu, penilaian terhadap representasi halal dalam persekitaran digital perlu melihat keseluruhan kandungan yang disampaikan dan bukan hanya bergantung kepada satu perkataan atau simbol tertentu.

Dari sudut penguatkuasaan pula, isu representasi halal turut berkait dengan pembahagian bidang kuasa antara agensi dan mahkamah. Perenggan 4 Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 melarang representasi yang boleh memperdaya atau mengelirukan berkaitan kehalalan sesuatu produk. Namun, penguatkuasaan dalam persekitaran digital boleh menjadi lebih kompleks apabila sesuatu kes melibatkan bidang kuasa KPDN dan pada masa yang sama mempunyai kaitan dengan peruntukan jenayah Syariah negeri (Ab. Halim & Mohd Salleh, 2018; Che Mohd Zain et al., 2014; Abu Bakar & Ramli, 2019; Dimon, 2020). Hal ini menunjukkan bahawa representasi halal dalam ruang digital bukan sekadar isu pemasaran, tetapi turut berkait dengan proses pengesanan, pengumpulan bukti, penentuan bidang kuasa dan tindakan penguatkuasaan.

***Penggunaan AI Dalam Pemantauan dan Penguatkuasaan***

Peningkatan jumlah kandungan digital menjadikan pemantauan secara manual semakin mencabar. Oleh itu, penggunaan Kecerdasan Buatan (AI) dan teknologi lain seperti blockchain mula diberi perhatian sebagai kaedah yang boleh membantu pemantauan secara lebih sistematik dan berasaskan risiko (Azwar & Usman, 2025; Nawaz et al., 2025; Sunmola et al., 2025; Takhor et al., 2025). Dalam penguatkuasaan halal, AI berpotensi membantu pihak berkuasa menapis dan menganalisis kandungan digital dalam jumlah yang besar. Sebagai contoh, AI boleh digunakan untuk mengenal pasti maklumat berkaitan ramuan dan tuntutan halal melalui analisis teks, mengesan penggunaan logo halal yang mencurigakan melalui analisis imej serta mengenal pasti pola tertentu dalam data rantaian bekalan (Mahmud et al., 2025; Nawaz et al., 2025;

Sunmola et al., 2025). Teknologi blockchain pula berpotensi membantu merekod dan menjejak maklumat sepanjang rantaian bekalan dengan lebih teratur dan sukar diubah (Abidin & Perdana, 2020; Nashirudin & Ulfah, 2024; Sunmola et al., 2025).

Walau bagaimanapun, AI boleh menghasilkan keputusan positif palsu atau gagal mengesan pelanggaran, selain dipengaruhi kualiti dan bias data latihan (Sunmola et al., 2025; Zulkepli, 2025). Penggunaan dalam penguatkuasaan memerlukan pengawasan manusia, ketelusan yang munasabah dan mekanisme semakan; keputusan AI tidak sepatutnya menjadi penentuan muktamad tentang status halal atau liabiliti.

**Jurang Kajian**

Kajian terdahulu membincangkan kerangka perundangan, pembuktian elektronik, representasi halal dan teknologi secara berasingan. Kajian yang meneliti hubungan antara representasi halal digital, pembuktian elektronik dan penyelarasan penguatkuasaan masih terhad. Kajian ini mengisi jurang tersebut secara kualitatif melalui perspektif penguatkuasaan dan pendakwaan serta perbincangan RTD.

**METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk meneliti cabaran perundangan dan pembuktian elektronik dalam penguatkuasaan representasi halal di persekitaran digital di Malaysia. Pendekatan ini membolehkan pengalaman dan pandangan pihak yang terlibat dalam penguatkuasaan serta pendakwaan dianalisis secara mendalam. Kajian ini tidak bertujuan mengukur prevalens kesalahan halal digital atau membuat generalisasi statistik terhadap semua agensi penguatkuasaan.

Data primer diperoleh melalui dua temu bual separa berstruktur dan satu perbincangan meja bulat (Round Table Discussion, RTD). Dua informan temu bual terdiri daripada seorang informan dalam bidang penguatkuasaan halal (IF1) dan seorang informan dalam bidang pendakwaan Syariah (IF2). Peserta RTD dirujuk menggunakan kod RTD-P1, RTD-P2 dan seterusnya apabila sesuatu pandangan dapat dipadankan dengan peserta tertentu secara konsisten. Dalam pelaporan dapatan, identiti sebenar, nama agensi yang terlalu khusus dan butiran peribadi yang tidak diperlukan tidak dinyatakan. Pandangan individu temu bual dibezakan daripada pandangan yang dibangkitkan dalam RTD supaya dapatan tidak melebih-lebihkan tahap persetujuan antara peserta.

Temu bual memberi tumpuan kepada amalan penyiasatan, pengumpulan dan pengemukaan bahan bukti, penentuan elemen kesalahan serta cabaran menilai representasi halal dalam talian. RTD digunakan untuk membincangkan isu dan cadangan penambahbaikan berkaitan aspek perundangan, pembuktian, teknologi, kompetensi dan penyelarasan institusi. Data dianalisis secara tematik melalui pembacaan transkrip, pengenalpastian petikan yang relevan, pembentukan kod awal dan pengelompokan kod kepada tema. Kod awal meliputi pengumpulan dan pengesahan bukti digital, pengenalpastian pihak yang bertanggungjawab terhadap

kandungan dalam talian, kecukupan dokumen dan keterangan teknikal, tafsiran representasi halal, serta penyelarasan prosedur. Tema yang dibentuk kemudiannya dibandingkan merentas sumber data dan dibincangkan bersama kerangka undang-undang yang berkaitan. Kajian ini tidak mendakwa telah melaksanakan pengekodan oleh beberapa penyelidik, semakan peserta atau ujian ketepuan data melainkan prosedur tersebut benar-benar dilaksanakan dan direkodkan.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

### Perubahan Landskap Penguatkuasaan Halal Dalam Persekitaran Digital

Perkembangan perdagangan halal dalam talian telah memperluas skop bahan yang perlu dikenal pasti dan diteliti dalam proses siasatan penguatkuasaan. Selain pemeriksaan fizikal, siasatan turut memerlukan penelitian terhadap pelbagai bentuk maklumat digital, termasuk paparan produk, iklan, siaran langsung, maklumat penjual dan rekod transaksi. Berdasarkan temu bual, IF1 menjelaskan bahawa penyiasatan terhadap kandungan digital tidak terhad kepada mengenal pasti rakaman atau paparan, sebaliknya turut melibatkan usaha mengenal pasti pihak yang bertanggungjawab serta mengaitkan kandungan tersebut dengan aktiviti jual beli yang relevan.

Dalam keadaan tertentu, IF2 menekankan bahawa kerjasama dengan agensi-agensi lain juga diperlukan bagi membantu proses pengesanan maklumat berkaitan akaun atau lokasi.

> IF2: *"Kalau kita tengok isu halal ni dia tak boleh bahagian pengurusan halal tu berdiri sendiri. Dia kena ada penglibatan kerjasama daripada beberapa agensi lah contohnya macam agensi yang menguruskan sijil halal, jakim lah"*

Dapatan ini memperlihatkan bahawa kandungan digital tidak boleh dianggap sebagai bukti yang mencukupi secara automatik, sebaliknya perlu dinilai secara menyeluruh berdasarkan konteks, kaitan dengan kesalahan yang disiasat serta hubungannya dengan bukti lain yang diperoleh.

IF1 turut menjelaskan penggunaan kaedah pembelian ujian (*test purchase*) dan pendokumentasian paparan e-dagang, termasuk maklumat produk serta paparan troli pembelian, bagi merekodkan konteks tawaran produk kepada pengguna.

> IF1: *"Dia kena ada pembuktian pembelian itu sebab dia trade (perdagangan), kan? Jadi kita akan tengok barang sampai, kita akan hantar test purchase dan teruskan siasatan. Kita akan tengok alamat penghantaran. Kalau masa live dia kata barang itu ada sijil halal, tetapi bila kita beli, rupa-rupanya tak ada sijil halal, jadi bukti utama ialah live atau iklan yang dia buat dekat Shopee itu. Kita kena screenshot keseluruhan paparan Shopee, termasuk dalam shopping cart apa yang dia jual."*

Menurut IF1, dalam keadaan tertentu, rakaman siaran langsung semata-mata mungkin tidak memadai untuk menjelaskan identiti penjual, perkaitan antara representasi produk dengan transaksi jual beli, atau keseluruhan maklumat yang dipaparkan kepada pengguna.

> IF1: "*Maknanya masih tetap kena buat serbuan di tempat dia buat live atau di premis? Rakaman live saja tak cukup.*"

Sehubungan itu, pengumpulan bahan bukti digital perlu dilaksanakan secara sistematik dengan mengambil kira aspek seperti sumber, tarikh dan masa pemerolehan, alamat atau pautan kandungan, maklumat akaun yang tersedia, paparan produk serta rekod transaksi yang berkaitan.

Keperluan ini mencerminkan implikasi terhadap amalan pengumpulan dan pendokumentasian bukti berdasarkan pengalaman yang dikongsikan oleh IF1 dan bukannya suatu ketetapan bahawa semua bahan bukti digital mempunyai kedudukan atau kebolehterimaan yang seragam di sisi undang-undang. Penilaian terhadap kebolehterimaan dan nilai pembuktian bahan tersebut tetap tertakluk pada kehendak undang-undang serta keadaan kes yang berkenaan.

Pandangan dalam RTD turut mengangkat keperluan supaya penguatkuasaan digital tidak bergantung pada satu tangkapan skrin yang terpisah daripada konteksnya. Perbincangan menekankan kepentingan menggabungkan maklumat kandungan, identiti atau maklumat penjual yang boleh disahkan, serta bukti transaksi jika berkenaan. Walau bagaimanapun, perbincangan RTD digunakan sebagai sumber pandangan kualitatif dan tidak dianggap sebagai bukti bahawa semua agensi telah mengamalkan prosedur yang sama.

Dapatan ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara proses pengesanan kandungan yang disyaki mengelirukan dengan pembinaan kes yang mempunyai asas pembuktian yang mencukupi. Walaupun teknologi berpotensi membantu mengenal pasti dan mengesan kandungan sedemikian, tindakan penguatkuasaan selanjutnya tetap memerlukan pengesahan terhadap sumber, konteks serta perkaitan kandungan tersebut dengan pihak yang disiasat. Dalam hal ini, penerapan teknologi seperti kecerdasan buatan (AI) dan rantaian blok (blockchain) boleh dipertimbangkan sebagai mekanisme sokongan bagi memperkukuh proses pengesanan, pendokumentasian dan pengurusan bukti digital pada masa hadapan. Walau bagaimanapun, potensi tersebut perlu ditafsirkan secara berhati-hati memandangkan data temu bual dan perbincangan meja bulat (RTD) dalam kajian ini tidak merangkumi pengujian empirikal terhadap keberkesanan teknologi berkenaan.

**Representasi Halal Dalam Pemasaran Digital**

Satu isu yang muncul daripada temu bual ialah kesukaran menilai ungkapan yang digunakan dalam pemasaran makanan atau produk. IF2 membangkitkan persoalan tentang ungkapan seperti 'Muslim Friendly' dan 'No Pork', seperti berikut:

> IF2: *"Kalau kami di peringkat pendakwaan ni, kami tidak hanya fokus kepada logo halal lah, sebab dia kata apa-apa tanda, apa-apa tanda yang menunjukkan bahawa makanan atau minuman itu halal. Maksud saya, kalau dia tak gunakan logo halal JAKIM sekalipun, tapi dia guna logo halal apa-apalah, dia tulis kat situ kan, halal. Ataupun sekarang ni apa? 'Muslim Friendly'. Lepas tu apa lagi, 'No pork, No lard', semua tu kan. Tapi bebanan pembuktian pada kita lah, bila dia kata Muslim Friendly tu, adakah itu menunjukkan halal?"*

Manakala perbincangan RTD turut menyentuh penggunaan frasa seperti 'No Lard' atau dakwaan bahawa penyembelihan dilakukan oleh penyembelih Muslim.

> RTD-5: *"Antara trend pemasaran terkini yang dikenal pasti ialah penggunaan frasa 'disembelih oleh tukang sembelih Muslim' sebagai representasi untuk meyakinkan pengguna tentang aspek kehalalan produk, berbanding penggunaan istilah 'halal' secara langsung yang tertakluk pada takrif halal yang jelas."*

Contoh ini menunjukkan bahawa representasi halal boleh disampaikan melalui perkataan yang tidak secara langsung menyatakan bahawa produk mempunyai pensijilan halal, tetapi berpotensi mempengaruhi persepsi pengguna.

Walau bagaimanapun, data kajian tidak menyokong kesimpulan bahawa ungkapan tersebut secara automatik merupakan suatu kesalahan. Penilaian perlu mengambil kira konteks keseluruhan iklan, sifat produk atau perkhidmatan, penggunaan logo atau tanda, maklumat yang disampaikan kepada pengguna serta elemen kesalahan dalam peruntukan undang-undang yang berkenaan. Oleh itu, pendekatan penguatkuasaan perlu membezakan antara ungkapan yang menerangkan ciri tertentu, misalnya ketiadaan ramuan tertentu dengan representasi yang boleh memberi gambaran bahawa keseluruhan keperluan halal telah dipenuhi.

Dari sudut analisis perundangan, persoalan utama bukan semata-mata sama ada sesuatu istilah digunakan, tetapi sama ada representasi dalam konteks tertentu memenuhi elemen peruntukan yang terpakai. Peruntukan undang-undang Persekutuan dan Syariah perlu diteliti mengikut skop, bidang kuasa dan fakta kes masing-masing. Justeru, pandangan IF2 dan peserta RTD mengenai kekaburan istilah wajar difahami sebagai petunjuk kepada keperluan panduan yang lebih jelas, bukannya penentuan muktamad tentang liabiliti undang-undang bagi setiap istilah yang disebut.

Persekitaran digital menambah kerumitan kerana representasi boleh disebarkan melalui beberapa platform dan kandungannya boleh dipadam atau diubah. Oleh itu, panduan penguatkuasaan yang praktikal perlu membantu pegawai merekodkan keseluruhan konteks representasi, menilai kemungkinan pengguna disalahfahamkan dan mengenal pasti peruntukan yang benar-benar relevan. Pendekatan sedemikian

juga boleh membantu mengurangkan tindakan yang terlalu bergantung pada satu perkataan atau simbol tanpa menilai kandungan dan fakta kes secara menyeluruh.

**Pembuktian Elektronik Dan Cabaran Pendakwaan**

Dapatan temu bual menunjukkan bahawa pembuktian elektronik dalam penguatkuasaan kesalahan halal bukan sekadar melibatkan pengumpulan bahan bukti, tetapi turut merangkumi proses pengesahan, pemeliharaan dan pengemukaannya di mahkamah. IF1 menjelaskan bahawa siasatan terhadap kandungan daripada platform digital memerlukan usaha untuk mengenal pasti pihak yang bertanggungjawab serta mengaitkan kandungan tersebut dengan aktiviti transaksi yang disiasat.

> IF1: "*Jadi bukti utama adalah live yang dia buat masa claim itu, atau iklan yang dia buat dekat Shopee, atau bahan yang tidak telus itu. Kita kena screenshot keseluruhan paparan Shopee itu, termasuklah dalam shopping cart apa yang dia jual.*"

IF1 turut membangkitkan cabaran berkaitan pengemukaan dokumen dalam prosiding di Mahkamah Syariah. Pandangan ini menggambarkan pengalaman informan dalam pelaksanaan siasatan dan pembuktian. Walau bagaimanapun, pengalaman tersebut perlu dibezakan daripada kedudukan undang-undang yang sebenar, yang hendaklah ditentukan berdasarkan peruntukan enakmen keterangan yang berkuat kuasa di mahkamah berkenaan serta fakta kes.

Bagi Negeri Selangor, Seksyen 49 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003, khususnya Huraian 3, menyatakan bahawa dokumen yang dikeluarkan oleh komputer merupakan keterangan primer. Oleh itu, cabaran yang dibangkitkan dalam temu bual lebih menjurus kepada aspek pelaksanaan, khususnya bagaimana sumber bahan bukti dikenal pasti, kandungannya disahkan, kaedah pemerolehannya direkodkan dan kaitannya dengan perkara yang perlu dibuktikan dijelaskan. Dalam hal ini, kebolehterimaan dan berat pembuktian sesuatu bahan masih bergantung pada peruntukan undang-undang yang terpakai, fakta kes dan penilaian mahkamah. Kedudukan di Negeri Selangor juga tidak boleh dianggap terpakai secara seragam di semua negeri.

Dari sudut pendakwaan, IF2 menjelaskan bahawa kertas siasatan, fakta kes, keterangan saksi, dokumen dan cadangan pertuduhan perlu diteliti bagi menilai sama ada elemen kesalahan disokong oleh bahan pembuktian yang mencukupi. Sekiranya terdapat kekurangan dalam siasatan atau pembuktian, keterangan tambahan mungkin perlu diperoleh sebelum tindakan selanjutnya dipertimbangkan.

> IF2: "*Pegawai penyiasat perlu mengumpulkan bukti teknikal, rakaman percakapan saksi dan dokumen sokongan sebelum menyediakan kertas siasatan untuk semakan pendakwa syarie bagi menilai elemen kesalahan, kekuatan keterangan saksi dan kesesuaian peruntukan undang-undang.*

> *Sekiranya keterangan tidak mencukupi, kertas siasatan boleh dikembalikan kepada pihak penguat kuasa untuk mendapatkan keterangan tambahan sebelum keputusan untuk meneruskan pendakwaan dibuat."*

Dapatan ini menunjukkan bahawa pengumpulan bukti digital perlu bermula dengan persoalan tentang perkara yang hendak dibuktikan. Pendekatan ini penting supaya tangkapan skrin, rakaman dan dokumen digital yang dikumpulkan benar-benar mempunyai kaitan dengan kes, bukan sekadar menambah jumlah bahan dalam kertas siasatan.

IF2 turut membangkitkan isu kompetensi saksi dalam menerangkan laporan makmal dan istilah saintifik.

> IF2 : "*Bila kita tengok, siapa yang boleh memberikan keterangan bahawa makanan atau minuman itu tidak halal? Mungkin ada isu teknikal, keputusan makmal, kompetensi saksi atau laporan pemeriksaan premis. Perkara ini sebenarnya agak berat kerana melibatkan kekuatan pembuktian pihak penguat kuasa.*"

Hal ini menunjukkan bahawa laporan teknikal bukan sekadar perlu diperoleh, tetapi juga perlu dapat dijelaskan dari segi kaedah pemeriksaan, dapatan dan batasannya. Dalam konteks bukti digital, pegawai penyiasat dan pihak pendakwaan perlu mengenal pasti lebih awal sama ada sesuatu bahan memerlukan pengesahan teknikal atau keterangan pakar. Namun, keperluan ini bergantung pada jenis bahan bukti, isu yang dipertikaikan dan kehendak undang-undang keterangan yang berkenaan; tidak semua bahan digital memerlukan keterangan pakar.

Secara keseluruhannya, dapatan temu bual dan RTD menunjukkan bahawa pengurusan bukti elektronik memerlukan prosedur yang jelas dan praktikal. Prosedur ini perlu merangkumi tatacara merekod dan memelihara kandungan digital, menyimpan maklumat asal yang tersedia, mendokumentasikan kaedah pemerolehan serta merekodkan sebarang perubahan, kehilangan atau ketidaktersediaan kandungan. Pada masa yang sama, penyelarasan antara pihak penguat kuasa dengan pihak pendakwaan penting bagi memastikan bahan bukti yang dikumpulkan semasa siasatan dapat diteliti dan dikemukakan dengan sewajarnya. Oleh itu, pembangunan prosedur operasi standard (SOP) yang mengambil kira keperluan undang-undang keterangan dan amalan siasatan merupakan antara langkah yang boleh dipertimbangkan. Walau bagaimanapun, SOP berfungsi sebagai panduan pengurusan bukti dan tidak menggantikan keperluan untuk membuktikan setiap elemen kesalahan berdasarkan fakta serta bahan pembuktian bagi kes yang dikendalikan..

**Penyelasaran Prosedur Dan Kompetensi Institusi**

IF2 mencadangkan supaya penyelarasan prosedur dan panduan antara pihak penguat kuasa dengan pihak pendakwaan diperkukuh, khususnya dalam pengendalian bahan bukti dan penyediaan kes. Perbincangan meja bulat (RTD) turut

mengetengahkan keperluan untuk memperkukuh kerangka perundangan, pengurusan bahan bukti dan pendakwaan, penggunaan teknologi serta kompetensi pegawai. Dapatan ini menunjukkan bahawa penyelarasan antara institusi penting bagi memastikan wujudnya kefahaman bersama tentang maklumat yang perlu direkodkan semasa siasatan, kaedah pengesahan bahan bukti dan bentuk keterangan sokongan yang mungkin diperlukan. Kefahaman bersama ini dapat membantu mengurangkan jurang antara keperluan siasatan dengan keperluan pembuktian di mahkamah. Walau bagaimanapun, rumusan ini merangkumi isu dan cadangan penambahbaikan yang dibangkitkan dalam data kajian, dan tidak semestinya menggambarkan persetujuan menyeluruh semua peserta terhadap setiap cadangan.

Dari sudut pembangunan kompetensi, latihan yang bersesuaian boleh merangkumi aspek perundangan, kaedah siasatan digital, pendokumentasian dan pemeliharaan bahan bukti, serta kemahiran menerangkan bukti teknikal di mahkamah. Pada masa yang sama, kerjasama antara pegawai penyiasat, pegawai penguat kuasa, pihak pendakwaan dan pakar teknikal wajar diperkukuh agar bahan bukti yang dikumpulkan semasa siasatan dapat memenuhi keperluan pembuktian yang berkaitan. Pendekatan ini juga membuka ruang kepada perkongsian kepakaran dan pengalaman antara institusi, khususnya dalam menangani kes yang melibatkan bukti digital atau analisis teknikal. Pelaksanaan langkah tersebut bagaimanapun perlu disesuaikan dengan bidang kuasa, sumber dan keperluan sebenar setiap agensi. Memandangkan kajian ini tidak mengukur tahap kompetensi keseluruhan pegawai atau prestasi semua agensi secara menyeluruh, dapatan ini lebih sesuai ditafsirkan sebagai asas untuk mengenal pasti keperluan penambahbaikan, bukannya penilaian menyeluruh terhadap keupayaan institusi sedia ada.

## CADANGAN PENGUKUHAN PENGUATKUASAAN HALAL DALAM PERSEKITARAN DIGITAL

Panduan penguatkuasaan perlu membantu pegawai menilai representasi halal dalam iklan secara menyeluruh, termasuk membezakan antara dakwaan khusus dengan gambaran keseluruhan yang disampaikan kepada pengguna. Penilaian ini penting bagi mengenal pasti isu yang memerlukan siasatan serta menentukan peruntukan undang-undang yang berkaitan. Sebarang cadangan pindaan undang-undang pula perlu didahului analisis jurang perundangan dengan mengambil kira pembahagian bidang kuasa antara Persekutuan dengan Negeri.

Dari sudut pengurusan bahan bukti, prosedur pengendalian bukti elektronik wajar menetapkan tatacara perekodan tarikh dan masa, sumber serta pautan kandungan, paparan penuh yang relevan, pemeliharaan fail asal jika tersedia dan pendokumentasian langkah pengumpulan. Maklumat transaksi atau akaun juga perlu diperoleh melalui kaedah yang sah apabila berkaitan dengan siasatan. Selain itu, prosedur operasi standard (SOP) perlu memperincikan tanggungjawab pegawai, kaedah penyimpanan, kawalan akses dan tatacara pemindahan bahan bukti bagi memastikan setiap peringkat pengendaliannya dapat dijejaki.

Penggunaan AI berpotensi membantu proses penyaringan kandungan digital, pengenalpastian istilah atau logo yang memerlukan penelitian lanjut serta penentuan keutamaan aduan berdasarkan risiko. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak menguji penggunaan atau keberkesanan sistem AI secara empirikal. Oleh itu, penerapannya dalam penguatkuasaan halal perlu dipertimbangkan secara berhati-hati dengan memastikan setiap hasil analisis disemak oleh pegawai, keputusan direkodkan, data dilindungi dan mekanisme pembetulan disediakan sekiranya berlaku kesilapan.

Penyelarasan dan perkongsian maklumat antara agensi juga boleh memperkukuh proses pengesahan status pensijilan halal, maklumat perniagaan dan kandungan digital yang berkaitan. Pembangunan pangkalan data bersepadu wajar mengambil kira asas undang-undang perkongsian maklumat, tujuan penggunaan, kawalan akses, keselamatan data dan akauntabiliti pihak yang terlibat. Pada masa yang sama, penggunaan teknologi seperti rantaian blok (*blockchain)* dan Internet Kebendaan (*Internet of Things*, IoT) memerlukan penilaian dari segi kebolehlaksanaan, kos, keperluan operasi dan kesesuaiannya dengan persekitaran penguatkuasaan sebelum dipertimbangkan untuk pelaksanaan.

Dapatan temu bual dan RTD turut menunjukkan kepentingan memperkukuh pengetahuan dan kemahiran pegawai dalam bidang perundangan, pendokumentasian digital, pengesahan teknikal dan penyediaan kes. Sehubungan itu, latihan bersama yang melibatkan pegawai penguat kuasa, penyiasat, pihak pendakwaan dan pakar teknikal boleh dipertimbangkan bagi membina kefahaman yang lebih selaras tentang keperluan pembuktian. Kandungan latihan hendaklah disesuaikan dengan jurang kemahiran, tanggungjawab dan sumber setiap institusi agar pelaksanaannya lebih praktikal dan berkesan.

Secara keseluruhannya, pengukuhan penguatkuasaan halal dalam persekitaran digital memerlukan pendekatan yang menggabungkan kejelasan panduan perundangan, pengurusan bahan bukti yang sistematik, kerjasama antara agensi dan pembangunan keupayaan pegawai. Antara keutamaan yang boleh diberikan ialah memastikan kandungan digital direkodkan dalam konteks yang mencukupi, menghubungkannya dengan pihak yang bertanggungjawab melalui bahan sokongan yang relevan serta mengambil kira keperluan pembuktian dan pendakwaan sejak peringkat siasatan. Pendekatan ini dapat membantu membina asas penguatkuasaan yang lebih tersusun tanpa mengabaikan batas bidang kuasa dan kehendak undang-undang yang terpakai.

## KESIMPULAN

Kajian ini mengenal pasti beberapa cabaran dalam penguatkuasaan representasi halal digital, khususnya pengumpulan dan pengesahan kandungan dalam talian, hubung kait kandungan dengan pihak yang bertanggungjawab, penilaian ungkapan pemasaran halal serta penyediaan bahan bukti untuk proses pendakwaan. Dapatan temu bual dan RTD menunjukkan keperluan prosedur pengendalian bukti elektronik yang lebih jelas, penyelarasan antara penguat kuasa dan pendakwaan, serta latihan

yang menggabungkan kemahiran undang-undang dan teknikal. Ungkapan seperti 'Muslim Friendly', 'No Pork' dan 'No Lard' perlu dinilai berdasarkan konteks dan elemen undang-undang yang terpakai, bukan dianggap secara automatik sebagai kesalahan. Teknologi seperti AI berpotensi menyokong pemantauan, namun keberkesanannya tidak diuji dalam kajian ini dan penggunaannya memerlukan semakan manusia. Oleh sebab kajian melibatkan dua informan temu bual dan RTD, dapatan tidak boleh digeneralisasikan kepada semua agensi atau digunakan untuk mengukur prevalens kesalahan halal digital di Malaysia. Kajian lanjutan boleh memperluas skop peserta, meneliti amalan pengendalian bukti secara empirikal dan menilai kebolehlaksanaan SOP yang dicadangkan.

## PENGHARGAAN

Penghargaan diberikan kepada Geran Penyelidikan Dan Inovasi UIS 2025 No. Geran: 2025/P/GPIU/GPM-004, Universiti Islam Selangor (UIS) yang bertajuk 'Pembinaan Kerangka Penguatkuasaan Mahkamah Syariah Berkaitan Kesalahan Halal Di Negeri Selangor'.

## RUJUKAN

Ab. Halim, M. A., & Mohd Salleh, M. M. (2018). Peranan JAKIM dan JAIN dalam kes yang melibatkan penyalahgunaan label halal pada produk makanan. *Malaysian Journal of Syariah and Law, 7*, 51–60.

Abdul Halim, M. A., Hassan, M. S., Mohd Ali, H., Mohd Zahir, M. Z., & Murjiyanto, R. (2023). Meat cartels and their manipulation of fake halal certification in Malaysia. *IIUM Law Journal*, 31(S1), 167–188.

Abidin, N. Z., & Perdana, F. F. P. (2020). A proposed conceptual framework for blockchain technology in halal food product verification. *Journal Of Halal Industry & Services*, 3(1), Article A0000079.

Abu Bakar, M. A. M., & Ramli, M. A. (2019). Aplikasi forensik halal dalam penentuan kandungan produk makanan bagi menangani jenayah berkaitan makanan halal. E-Prosiding Kolokium Penyelidikan Siswazah Kebangsaan 2019, 271–277.

Ahmad, M. H., Baharuddin, A. S., Zakaria, M. A., Nordin, N., Ishak, S. K., & Othaman, N. K. (2020). Bukti saintifik dan penerimaannya di Mahkamah Syariah: Analisis perundangan bagi undang-undang keterangan Mahkamah Syariah. *Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia, 32*(1), 67–92. https://doi.org/10.37052/kanun.32(1)no4

Alias, M. A. A. (2024). Sains forensik dan pengaplikasiannya dalam keterangan dokumentar di Mahkamah Syariah Malaysia. *Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 36(1), 107–120.

Alias, M. A. A., Wan Ismail, W. A. F., Baharuddin, A. S., & Mallow, M. S. (2024). Wasa'il ithbat dalam undang-undang keterangan Islam: Analisis perundangan terhadap keabsahan dokumen elektronik di Mahkamah Syariah Malaysia. *Malaysian Journal of Syariah and Law, 12*(3), 689–700. https://doi.org/10.33102/mjsl.vol12no3.792

Azwar, A., & Usman, A. H. (2025). Artificial intelligence in the halal industry: Trends and global research opportunities. *International Journal of Halal Industry*, 1(1), 46–67.

Buang, A. H., & Mahmod, Z. (2012). Isu Dan Cabaran Badan Pensijilan Halal Di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 20(3), 271–288.

Che Mohd Zain, C. R., Ab Rahman, S., Mohd Isham, Z., & Ab Aziz, S. (2014). Jurisdiction and prosecution of halal related matters in Malaysia: Challenges and prospects. *Proceedings of the Global Conference on Business & Social Science-2014 (GCBSS-2014)*, 294–300.

Dimon, Z.[A1.1] (2020). Undang-Undang Berkaitan Produk Halal di Malaysia: Perbandingan Kesalahan Penyalahgunaan Tanda Halal di Peringkat Negeri. Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah, 7(1), 37–48.

Izham, S. S., Ahmadun, M., & Hazmi, H. F. (2022). Trend dan kefahaman masyarakat berkaitan label 'No Pork' di premis makanan. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies, 28*(2), 50–60. https://al-qanatir.com/aq/article/view/569

Mahmud, M. S., Abdulkareem, I. A., Chuan, O. Y., Hamid, M. S., & Hamid, O. A. (2025). Artificial intelligence (AI) integration of Shariah compliance in halal meat production through advanced manufacturing by laser. *International Journal Of Research And Innovation In Social Science*, 9(10), 6824–6835.

Marinsah, S. A., Asung, A., Hajimin, M. N. H. H., & Ambo, N. I. (2025). Analisis perundangan dan polisi berkaitan sekuriti makanan halalan tayyiban di Malaysia: Satu sorotan. *International Journal Of Law, Government and Communication*, 10(40), 619–635.

Mohd Raes, N. K., & Shamsuddin, A. (2025). Menganalisa Faktor-Faktor Yang Menghalang Pensijilan Halal Malaysia: Perspektif Pihak Berkuasa Halal Malaysia. *Research In Management Of Technology And Business*, 6(1), 49–62.

Mohd Rapini, A. (2019). Pensabitan Kesalahan Penyalahgunaan Tanda Halal: Kajian Perbandingan Dari Aspek Perundangan Dan Pembuktian. 5th Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference 2019, 338–352.

Muhammad, M. A., Elistina, A. B., & Ahmad, S. (2020). The Challenges Faced By Halal Certification Authorities in Managing the Halal Certification Process In Malaysia. *Food Research*, 4(S1), 1–12.

Nashirudin, M., & Ulfah, A. K. (2024). Strengthening maqāṣid al-sharī'ah values in halal traceability: Evidence and analysis of blockchain-based halal supply chain applications. *Al-Manahij: Jurnal Kajian Hukum Islam, 18*(1), 95–108. https://doi.org/10.24090/mnh.v18i1.9883

Nawaz, A., Afzal, A., Khatibi, A., Shankar, A., Madan, H., Faisal, H. S., Shahbaz, A., Usman, I., Zulfiqar, N., Saeed, F., Ahmed, A., Imran, A., Afzaal, M., Karni, A., Ahmed, F., Akram, N., Rasheed, M., & Islam, R. (2025). Role of artificial intelligence in halal authentication and traceability: A concurrent review. *Food Control, 169*, Article 111003. https://doi.org/10.1016/j.foodcont.2024.111003

Osman, S., Ab. Rahman, S., & Jalil, A. (2020). Issues in halal food product labelling: A conceptual paper. *Food Research*, 4(Suppl. 1), 214–219.

Pawancheek, N. A. (2019). Halal certification for eateries in Malaysia: Legal pitfalls and possible solutions. *Journal Of Malaysian And Comparative Law*, 46(2), 1–26.

Ramli, M. A., & Abd Razak, M. A. (2021). The emergence of halal-related food crimes in the era of Industry 4.0. *Al-Qanatir: International Journal for Islamic Studies*, 24(2), 45–50.

Sunmola, F., Baryannis, G., Tan, A., Co, K., & Papadakis, E. (2025). Holistic framework for blockchain-based halal compliance in supply chains enabled by artificial intelligence. Systems, 13(1), 21.

Takhor, N., Man, S., & Ibrahim, A. H. (2025). Role of halal forensics in artificial intelligence: Ensuring the integrity of halal products. *CFORSJ Procedia*, 3(1), 396–407.

Wahab, H. A., & Azhar, A. (2014). Halalan Tayyiban Dalam Kerangka Perundangan Malaysia. *Jurnal Kanun*, 26(1), 103–120.

Wong, M. S. M. A., & Abdul Halim, A. H. (2021). Konsep Hisbah Dalam Penguatkuasaan Pematuhan Halal Di Malaysia. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 22(3), 129–140.

Zulkepli, M. I. S. (2025). Kajian Awal Terhadap Isu-Isu Syariah Berkaitan Kecerdasan Buatan (AI) Dalam Kewangan Islam Di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 33(2), 159–186.

**PERUNDANGAN**

Malaysia. (1953). Akta Binatang 1953.

Malaysia. (1967). Akta Kastam 1967.

The current issue and full text archive of this journal is available at
**https://muwafaqat.uis.edu.my/index.php/journal**

Malaysia. (1983). Akta Makanan 1983.

Selangor. (1995). Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 (Enakmen No. 9 Tahun 1995). Dewan Negeri Selangor. https://dewan.selangor.gov.my/enasel/enakmen-jenayah-syariah-1995/

Malaysia. (1997). *Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997* (Akta 559).

Malaysia. (1999). Akta Perlindungan Pengguna 1999.

Selangor. (2003). Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 (Enakmen No. 5 Tahun 2003). Dewan Negeri Selangor. https://dewan.selangor.gov.my/enasel/enakmen-keterangan-makhamah-syariah-negeri-selangor-2003/

Malaysia. (2009). Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009.

Malaysia. (2011). Akta Perihal Dagangan 2011 (Akta 730).

Malaysia. (2011). Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011.

Malaysia. (2011). Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011.